

BAB 3 [3.7 - 3.9]
PERJUANGAN RAKYAT SEMASA
PENDUDUKAN JEPUN

BAHAGIAN A – SOALAN OBJEKTIF

1. Maklumat berikut berkaitan dengan Force 136

British menubuhkan South East Asia Command (SEAC) yang berpusat di Colombo, Sri Lanka dan membentuk unit khas yang dikenali sebagai Force 136 pada tahun 1943.

Apakah matlamat penubuhan Force 136.

- I. Menubuhkan pasukan gerila
 - II. Menentang penjajahan British
 - III. Menyebarkan propaganda Jepun
 - IV. Mendapatkan sokongan orang Melayu
- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV

2. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan Jepun di Tanah Melayu

Jepun menggunakan pasukan tentera atau polis yang dianggotai oleh orang Melayu untuk menentang MPAJA semasa Gerakan anti-Jepun semakin meningkat.

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap Tanah Melayu?

- A. Meningkatkan serangan gerila
- B. Menimbulkan ketegangan kaum
- C. Memperoleh tuntutan kemerdekaan
- D. Mengeratkan kerjasama masyarakat

Kesatuan Melayu Muda

3. Kesatuan di atas dibubarkan oleh Jepun pada bulan Jun 1942. Mengapakah Jepun bertindak sedemikian?

- A. Pemimpin Kesatuan Melayu Muda menentang Jepun.
- B. Pemimpin Kesatuan Melayu Muda meyokong British.
- C. Pemimpin Kesatuan Melayu Muda menuntut kemerdekaan
- D. Pemimpin Kesatuan Melayu Muda tidak mahu bekerjasama dengan Jepun.

4. Gambar berikut menunjukkan letupan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki



Mengapakah Amerika Syarikat melakukan pengeboman di kedua-dua Bandar tersebut pada tahun 1945?

- A. Menamatkan perang dunia
- B. Kekuatan Kuasa Paksi bertambah
- C. Keadaan ekonomi semakin merosot
- D. Kekuatan Kuasa Bersekutu bertambah

5. Gambar berikut menunjukkan Akhbar Semangat Asia.



Apakah tujuan akhbar Semangat Asia diterbitkan?

- A. Menyebarkan semangat antipenjajah Asia
- B. Menyebarkan semangat antipenjajah Barat
- C. Menyebarkan semangat antipenjajah Jepun
- D. Menyebarkan semangat antipenjajah komunis

6. Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan nasionalisme tempatan semasa pendudukan Jepun

Giyu Gun atau Pembela Tanah Air (PETA) ialah pasukan tentera sukarela yang ditubuhkan untuk membantu Jepun mempertahankan Tanah Melayu

Siapakah yang mengetuai Giyu Gun?

- A. Onan Haji Siraj
 - B. Tengku Nordin
 - C. Ibrahim Haji Yaakob
 - D. Dr. Burhanuddin al-Helmi
7. Gambar berikutan berkaitan dengan kemusnahan yang dilakukan oleh Bintang Tiga setelah menguasai Tanah Melayu hampir 14 hari kerana kelewatan pendaratan semula tentera British.



Bagaimanakah penguasaan tersebut dilakukan oleh Bintang Tiga?

- I. Menguasai balai polis
 - II. Membunuh pegawai daerah
 - III. Membuat kad catuan makanan
 - IV. Memaksa pembinaan landasan kereta api
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
10. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Raja-Raja Melayu semasa penguasaan Bintang Tiga di Tanah Melayu.

Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah dan Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz Almustasim Billah Syah telah memainkan peranan yang penting semasa kebangkitan orang Melayu menentang Bintang Tiga.

Apakah peranan Raja-Raja Melayu tersebut?

- A. Meniupkan semangat perpaduan dalam kalangan orang Melayu
- B. Meminta agar tentera Bintang Tiga melakukan jenjatan senjata
- C. Menyelesaikan pergaduhan antara orang Melayu dan Orang Cina
- D. Menaikkan semangat orang Melayu untuk menentang Bintang Tiga

8. Maklumat berikut berkaitan dengan Kesatuan Rakyat Indonesia (KRIS).

Dengan sokongan tentera Jepun, Dr Burhanuddin al-Helmi, Ibrahim Haji Yaakob, Onan Haji Siraj dan bekas pemimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang lain menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)

Apakah matlamat penubuhan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)?

- A. Memberi sokongan untuk terus dijajah oleh Jepun
 - B. Memberi sokongan untuk menentang tentera Bersekutu
 - C. Mencapai kata sepakat untuk menentang tentera Kuasa Paksi
 - D. Mencapai kemerdekaan Tanah Melayu bersama-sama Indonesia
9. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah gerakan yang ditubuhkan di Tanah Melayu.

Haji Salleh Abdul Karim atau dikenali sebagai Kiai Salleh telah menubuhkan pasukan Tentera Selempang Merah di Johor.

Apakah matlamat penubuhan pasukan Tentera Selempang Merah?

- A. Menentang penjajahan British di Tanah Melayu
- B. Menegakkan ajaran Islam dalam kalangan Orang Melayu
- C. Mempertahankan orang Melayu daripada ancaman Bintang Tiga
- D. Menentang kekejaman British ke atas orang Melayu di Tanah Melayu